

18 DEC 1997

DR MAHATHIR RASMI MEJA BULAT IT FEBRUARI INI

KUALA LUMPUR, 18 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Meja Bulat mengenai "Masyarakat Elektronik di Asia" pada 12 dan 13 Feb di sini.

Meja Bulat itu dianjurkan oleh Persidangan Ahli Ekonomi dan Perbadanan Pembangunan Multimedia.

Ia akan diadakan semasa mesyuarat kedua Panel Nasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC). Dr Mahathir ialah pengerusi IAP.

Ketika mengumumkan Meja Bulat itu bagi pihak Persidangan Ahli Ekonomi, Datuk Paddy Bowie berkata Meja Bulat itu akan memberi tumpuan kepada pembangunan-pembangunan pesat dalam industri teknologi maklumat di rantau Asia Pasifik.

"Ia akan mengkaji banyak isu penting bagi rakyat Malaysia serta ekonomi serantau seperti unjuran pertumbuhan bagi perdagangan elektronik dan peluang-peluang pelaburan sektor swasta," katanya.

Ramai personaliti terkenal akan menyertai Meja Bulat itu termasuk Pengerusi NEC Tadahiro Sekimoto, president Acer Stan Shih, pakar teknologi maklumat Kenichi Ohmae dan Duta Lady Diana Dougan, iaitu penasihat kanak Pusat Kajian Strategik dan Antarabangsa.

Persidangan Ahli Ekonomi mula menganjurkan mesyuarat antara pemimpin-pemimpin perniagaan dan kerajaan pada 1956. -- BERNAMA

TCL NAK